

13/09/2003

Pelepasan cukai anak dinaikkan RM1,000 seorang

KUALA LUMPUR: Kadar pelepasan cukai anak sebanyak RM800 seorang sekarang, ditambah kepada 1,000 seorang bagi meringankan beban perbelanjaan ibu bapa.

Ketika mengumumkannya dalam Bajet 2004 semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menyedari kos membesarkan serta mendidik anak-anak kian meningkat dan langkah itu dapat membantu ibu bapa meringankan beban perbelanjaan mereka.

Beliau berkata, kerajaan juga mungkin menjadikan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja sebagai syarat dalam "keutamaan pembangunan" majlis tempatan supaya lebih banyak pusat seumpamanya ditubuhkan.

"Langkah ini dirasakan perlu kerana respons daripada majikan swasta terhadap konsep itu sehingga kini tidak menggalakkan walaupun kerajaan banyak memberi galakan kepada majikan," katanya.

Dalam bajet kali ini, institusi kekeluargaan dan pembangunan wanita mendapat perhatian kerajaan apabila sejumlah RM128.6 juta diperuntukkan.

Perdana Menteri berkata, pelbagai program akan dilaksanakan untuk pembangunan institusi keluarga dan wanita, termasuk latihan, bimbingan, kaunseling dan pendedahan untuk memberi keyakinan dan dorongan kepada wanita, khususnya ibu tunggal, warga tua dan orang kurang upaya.

Bagi membantu ibu tunggal yang mempunyai perusahaan sendiri di desa meningkatkan pendapatan masing-masing, sebanyak RM100 juta dari Skim Kredit Desa akan dikhususkan bagi mereka.

Ibu tunggal yang berpendapatan rendah juga akan diberi keutamaan dalam memperolehi rumah kos rendah dan sederhana rendah daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dengan diberi diskaun harga 20 peratus.

Dr Mahathir turut membidas sikap suami yang menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS) untuk menjatuhkan talak, yang disifatkannya sebagai "merendahkan martabat dan maruah wanita."

"Mengguna SMS tidak menunjukkan penghargaan kepada institusi perkahwinan dan keluarga, termasuk anak sendiri. Walaupun Islam membenarkan suami menceraikan isteri hanya dengan berkata demikian kepada isteri, perceraian bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan.

"Ia harus difikir secara mendalam kerana kerap kali anak akan menjadi mangsa," katanya.

Beliau berkata, cara perceraian melalui SMS adalah tidak selamat kerana sesiapa saja boleh curi mengguna SMS untuk menghantar mesej perceraian tanpa diketahui oleh suami.

"Gejala sosial akibat semua ini tidak mencerminkan keperibadian Islam yang sebenar," katanya.

Dr Mahathir juga menegur sikap sesetengah pihak yang menghadkan sumbangan wanita dalam pembangunan dengan hanya membenarkan mereka menjadi guru dan pegawai kebajikan tetapi melarang mereka menjadi hakim, pentadbir dan menyertai pasukan keselamatan.

Dalam sejarah Islam, katanya, wanita berjuang di samping Nabi Muhammad S.A.W dalam peperangan, manakala isteri baginda, Khadijah, merentasi sempadan dalam menerokai pasaran.

"Ingatlah, syurga di bawah tapak kaki ibu. Setiap lelaki yang berjaya, ada isteri yang membantu. Tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang dunia," katanya.

Beliau berkata jika Malaysia menghadkan peranan wanita bermakna tenaga manusia orang Islam berkurangan lebih daripada separuh dan orang Islam di negara ini akan bergantung kepada orang lain untuk segala-galanya.

"Janganlah kecewa apabila ini berlaku. Janganlah kerana lelaki lemah membendung nafsu, wanita disalahkan. Islam tidak meletak beban kawalan

nafsu semata-mata pada wanita," katanya.